

Embargo: Hanya boleh diterbitkan atau disebarluaskan mulai jam **1200, Selasa, 31 Oktober 2023**



KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA
KEMUDAHAN ASAS 2022

Akses Kepada Kemudahan Asas Menggambarkan Kesejahteraan Negara

PUTRAJAYA, 31 Oktober 2023 – Pada hari ini, Jabatan Perangkaan Malaysia menerbitkan **Laporan Survei Kemudahan Asas** yang membentangkan statistik kemudahan asas oleh isi rumah. Statistik yang diterbitkan dalam laporan ini adalah berdasarkan dapatan daripada pelaksanaan Survei Pendapatan, Perbelanjaan dan Kemudahan Asas 2022. Survei ini dilaksanakan pada fasa peralihan endemik yang telah membolehkan masyarakat kembali ke kehidupan normal selepas dua tahun terkesan dengan COVID-19. Dapatan survei ini merupakan input utama untuk mengetahui kedudukan semasa akses kemudahan asas dalam masyarakat.

Ketua Perangkawan Malaysia, YBhg. Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin berkata, “Pada tahun 2022, peratusan pemilikan rumah oleh isi rumah di Malaysia adalah sebanyak 76.5 peratus, di mana di kawasan bandar adalah 73.3 peratus dan di kawasan luar bandar pula adalah 87.6 peratus.”

Dapatan survei pada tahun 2022 ini juga telah memperlihatkan hampir 98.0 peratus isi rumah Malaysia tinggal berdekatan institusi kesihatan awam dengan jarak kurang daripada lima kilometer. Sementara itu, peratusan akses isi rumah kepada sekolah rendah dan sekolah menengah dengan jarak kurang daripada lima kilometer masing-masing pada 98.5 peratus dan 95.3 peratus. Peratusan akses isi rumah kepada tadika awam dengan jarak tersebut pula adalah 97.4 peratus.

Isi rumah di Malaysia juga mempunyai akses yang tinggi kepada bekalan air paip dan elektrik di tempat kediaman. Peratusan akses kepada air paip di tempat kediaman adalah pada 96.7 peratus dan akses isi rumah terhadap bekalan elektrik hampir 100.0 peratus di tempat kediaman dalam Malaysia pada tahun 2022.

DOSM telah melancarkan OpenDOSM NextGen sebagai medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data. OpenDOSM NextGen ialah platform perkongsian data sumber terbuka dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.

Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) akan menjalankan Banci Pertanian pada tahun 2024. Mohon layari <https://www.myagricsensus.gov.my/> untuk maklumat lanjut. "Banci Pertanian, Kunci Kemajuan Pertanian."

Kerajaan Malaysia telah mengisyiharkan Hari Statistik Negara (MyStats Day) pada 20 Oktober setiap tahun. Tema sambutan MyStats Day adalah "Statistik Nadi Kehidupan".

Dikeluarkan oleh:

**PEJABAT KETUA PERANGKAWAN
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
31 OKTOBER 2023**

- **Cadangan tajuk:**
 1. **Kemudahan Asas Untuk Kemakmuran Negara**
 2. **Kelestarian Kehidupan didorong oleh Kemudahan Asas**

Embargo: Only be published or disseminated from 1200 hours, Tuesday, 31 October 2023



MINISTRY OF ECONOMY

DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

MEDIA STATEMENT

BASIC AMENITIES 2022

Access to Basic Amenities Reflect Nation Well-being

PUTRAJAYA, 31 October 2023 – Today, the Department of Statistics Malaysia published the **Basic Amenities Survey Report** which presents basic amenities statistics of household. The statistics published in this report are based on the findings from the implementation of the Income, Expenditure and Basic Amenities Survey 2022. This survey was carried out during the transitional phase of endemic which has allowed the community to return to normal life after two years of being affected by COVID-19. The findings of this survey are the main input for understanding the present situation of access to basic amenities in the community.

The Chief Statistician of Malaysia, YBhg. Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin said, "The percentage of house ownership by the households in Malaysia was 76.5 per cent in 2022 with the urban area recording 73.3 per cent, and in rural area at 87.6 per cent."

The findings of the survey in 2022 showed that almost 98.0 per cent of Malaysian households lived near public health institutions that were less than five kilometres away. Meanwhile, the percentage of households accessibility to primary and secondary schools that are less than five kilometres at 98.5 per cent and 95.3 per cent, respectively. The percentage of households accessibility to public kindergarten was 97.4 per cent.

Households in Malaysia also have high accessibility to tap water supply and electricity at their residences. The percentage of access to tap water in the residence was 96.7 per cent and household accessibility to electricity supply was almost 100.0 per cent in 2022.

DOSM has launched OpenDOSM NextGen as a medium that provides a catalogue of data and visualisation to facilitate users in analysing various data. OpenDOSM NextGen is an open source data sharing platform and accessible through <https://open.dosm.gov.my> portal.

The Department of Statistics Malaysia (DOSM) will conduct the Agricultural Census in 2024. Please visit <https://www.myagricensus.gov.my/> for more information. "Agricultural Census, Key to Agricultural Development."

The Government of Malaysia has declared National Statistics Day (MyStats Day) on October 20 each year. MyStats Day theme is "Statistics is the Essence of Life"

Released by:

THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA

DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

31 OCTOBER 2023

- **Suggested titles:**

1. **Basic amenities for national prosperity.**
2. **Sustainability of life driven by basic amenities.**